

## USAHA MENGEKANG KEMARAAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM): USAHA TERSURAT DAN TERSIRAT BRITISH DI TANAH MELAYU

(*EFFORTS TO RESTRAIN THE PROGRESS OF THE MALAYAN COMMUNIST PARTY (PKM): EXPLICIT AND IMPLICIT BRITISH EFFORTS IN MALAY LAND*)

Siti Noridayu Abd. Nasir

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia

Corresponding Author's Email:[noridayu87\\_nasir@yahoo.com](mailto:noridayu87_nasir@yahoo.com)

---

### Article History

Received : 17 October 2024

Revised : 3 December 2024

Published : 31 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

### To cite this article:

Nasir, S.N.A. (2024). Usaha mengekang kemaraan Parti Komunis Malaya (PKM): usaha tersurat dan tersirat British di Tanah Melayu. *Jurnal Tuah*, 5(1), 1-16.

### ABSTRAK

Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu telah menyebabkan pelaksanaan darurat pada (1948-1960). Keganasan PKM bukan sahaja meragut nyawa manusia tetapi bertujuan melumpuhkan ekonomi British di Tanah Melayu dengan merosakkan kemudahan dan memusnahkan ladang-ladang yang dimiliki oleh British. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti kemunculan PKM di Tanah Melayu semasa pemerintahan British. Kemudian, meneliti usaha British dalam mengekang kemaraan PKM semasa darurat. Seterusnya, menghuraikan aspek tersurat dan tersirat British dalam mengekang kemaraan PKM di Tanah Melayu. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa PKM mula bermaharajalela di Tanah Melayu selama 14 hari apabila Jepun meletakkan senjata dan tempoh masa kembalinya British di Tanah Melayu. Selanjutnya, British melaksanakan pelbagai cara untuk mengekang kemaraan PKM dengan menguatkuaskan undang-undang darurat, pelaksanaan pasukan keselamatan, pendaftaran kad pengenalan, Rancangan Bringgs, tawaran pengampunan, bulan penduduk menentang komunis, perang saraf, perintang berkurung dan Rundingan Baling. Walau bagaimanapun, usaha yang dilaksanakan secara tersirat bertujuan mengekang dan membanteras PKM dilihat melindungi penduduk di Tanah Melayu tetapi sebaliknya British mempunyai tujuan lain. Hal ini demikian kerana, British masih dengan agenda utama pelaksanaan imperialisme di Tanah Melayu dalam aspek ekonomi mereka. Hakikatnya, British melaksanakan pelbagai inisiatif bagi melindungi kepentingan ekonomi dan kedudukan mereka di Tanah Melayu. Malah, setiap yang kemajuan, perlindungan yang dilaksanakan di Tanah Melayu adalah bagi keagungan British yang dilihat sebagai pemula tamadun manusia yang moden melibatkan agama dan kemajuan bangsa. Adalah diharapkan kajian ini dapat diaplikasikan sebagai rujukan, panduan dan iktibar kepada generasi di negara ini.

**KATA KUNCI:** Parti Komunis Malaya (PKM), darurat, tersurat dan tersirat

## ABSTRACT

*The Communist Party of Malaya (PKM) in Malaya has caused the implementation of curfew in (1948-1960). The violence of the PKM not only human murder lives but aimed to destroy the British economy in Malaya by damaging facilities and destroying farms owned by the British. Therefore, this study was carried out to identify the curfew of PKM in Malaya during the British rules. Then, examine the British efforts in curbing the progress of the PKM during the Malaya curfew. Next, describe the explicit and implicit aspects of the British in curbing the progress of the PKM in Malaya. The findings of the study showed that PKM began to reign in Malaya for 14 days when the Japanese laid down their arms and the period time when the British returned to Malaya. Further, the British implemented various means to curb an advance of the PKM by enforcing curfew laws, the implementation of security forces, the registration of identify cards, the Bringgs Plan, amnesty offers, people's mouth against the communists, Saraf's war, locked-in resistance and the Baling's Negotiations. However, the efforts implemented implicitly aimed at curbing and eradicating the PKM were seen to protect the people of Malaya but on the other hand the British had other goals. This is because the British still have the main agenda of implementing imperialism in Malaya in their economic aspects. The fact, the British implemented various initiatives to protect their economic interest and position in Malaya. In fact, every progress caused to protection implemented in Malaya is for the majesty of the British who are seen as the originator of modern human civilization involving religion and the progress of the nation. It is hoped that this study can be applied as a reference, guide and advice to generations in this country.*

**Keywords:** Malayan Communist Party, curfew, explicit and implicit

## 1.0 PENGENALAN

Pendudukan British di Tanah Melayu memberikan kesan yang mendalam merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Selepas Perang Napoleon berlaku maka sejarah imperialisme pendudukan British sepenuhnya di Tanah Melayu bermula melalui Perjanjian Inggeris-Belanda (13 Ogos 1824) yang menukar wilayah pengaruh mereka kepada dua kawasan lingkungan politik. Menurut (Siti Radzia Ramlee dan Ishak Saat, 101:2023) menjelaskan bahawa Perjanjian Inggeris-Belanda juga dikenali sebagai Perjanjian London atau Perjanjian Anglo-Dutch yang dimenterai pada tahun 1824. Tambah (Siti Radzia Ramlee dan Ishak Saat, 101:2023) lagi, pementerian perjanjian ini disebabkan persaingan pengaruh yang berlaku antara kedua-dua kuasa kolonial iaitu British dan Belanda.

Hal ini demikian, berlaku bagi menjaga kepentingan barat di Asia Tenggara. Kesan tinggalan Belanda bukti pendudukan mereka masih wujud ke hari ini di Melaka yang juga memperlihatkan bukan sahaja British pernah menguasai Tanah Melayu. Malah, Tanah Melayu menjadi sasaran pelbagai kuasa asing kerana mempunyai pelbagai sumber bumi yang berharga dan mempunyai tanah yang subur untuk pertanian komersial. Berdasarkan (Raja Masittah Raja Ariffin, 118:2013) menyatakan bahawa merantaunya orang Barat ke alam Melayu banyak dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan perdagangan.

Oleh yang demikian, Tanah Melayu dijadikan kawasan penanaman getah bagi memenuhi keperluan British dalam Revolusi Perindustrian pengeluaran kereta yang memerlukan pembuatan tayar daripada getah asli. Menurut (Nurlisa Sarah Mohammad Azmi, 13:2019) menjelaskan tanaman getah merupakan tanaman komersial yang diberikan perhatian utama oleh British dalam usaha meningkatkan pendapatan kerajaan British di negeri-negeri Melayu. Selain itu, Revolusi Perindustrian dalam pengetinan makanan memerlukan bijih timah sebagai bahan pembuatan kilang mereka. Malah, (Raja Masittah Raja Ariffin, 118:2013) menjelaskan bahawa alam Melayu kaya dengan hasil bumi dan sumber bahan mentah seperti emas, bijih timah, tembaga, perak dan lain-lain telah menarik perhatian mereka ke alam Melayu.

Selain itu, kelebihan Tanah Melayu juga telah menarik perhatian negara Asia seperti Jepun untuk menjalankan dasar imperialism. Berdasarkan (A. Ghapa Harun dan Rupawan Ahmad, 15:1996) menjelaskan konsep Lingkungan Kesemakmurran dan Pan -Asianisme secara umumnya menganjurkan

prinsip-prinsip seperti hidup bersama, bekerjasama, memperjuangkan kebebasan, meningkatkan kebijakan dan bebas daripada eksploitasi ekonomi oleh kapitalisme Barat. Dengan membawa slogan ‘Asia untuk Asia’ dan ‘Kesemakmuran Asia Timur Raya’ telah berjaya menduduki Tanah Melayu pada (1941-1945). Jepun mula menduduki Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 sehingga 31 Januari 1945 apabila Hiroshima dan Nagasaki dibom balas oleh pihak Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, Jepun meletakkan senjata dan pulang ke negara mereka sebagai tanda menyerah kalah dan berkakhirnya imperialisme Jepun di Tanah Melayu.

Hal ini demikian kerana, PKM juga membawa hasrat untuk membentuk kerajaan melalui parti mereka di Tanah Melayu dengan membawa anasir dan hasutan agar lebih ramai penduduk di Tanah Melayu menyertai perjuangan PKM. Berdasarkan (Mohamad Nassir Kassim, 2:2016) menjelaskan pada peringkat awal sejarah membuktikan bahawa PKM majoritinya dianggotai oleh orang Cina. Oleh yang demikian, PKM berhasrat menarik kaum lain untuk menyertai perjuangan mereka. Namun begitu, menurut (Mohamad Nassir Kassim, 2:2016) tidak kurang pentingnya adalah mengenai persepsi buruk terhadap PKM sehingga menjadi batu penghalang untuk orang Melayu menyertai PKM.

Pada asalnya PKM dibentuk di Tanah Melayu pada tahun 1930. Menurut (Ho Hui Ling, 66 dan 67:2015) menjelaskan bahawa apabila Parti Komunis Nanyang (PKN) gagal menguasai komunis di Tanah Melayu maka komunis telah menubuhkan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu pada April 1930. Apabila penjajahan Jepun berlaku di Tanah Melayu maka PKM telah membentuk Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) bagi menentang tentera Jepun. Tambah (Ho Hui Ling, 67:2015) lagi, Kerjasama PKM dengan British telah mewujudkan MPAJA atau Bintang Tiga untuk menentang pihak Jepun semasa perlakunya perang dunia kedua pada tahun 1941 sehingga 1945.

Namun begitu, terdapat pihak lain yang ingin menguasai Tanah Melayu di antara penjajahan Jepun dan pengunduran sementara pihak British. Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah berada di dalam hutan mula memainkan peranan mereka semasa ketiadaan Jepun dan tempoh masa yang diambil untuk British ke Tanah Melayu. Selama 14 hari PKM telah melancarkan huru-hara di Tanah Melayu sebelum kembalinya British untuk memerintah Tanah Melayu semula. Berdasarkan (Ho Hui Ling, 86:2023) menjelaskan bahawa kegiatan komunis ini mengancam ketenteraman awam dan kestabilan negara. Malah, pihak PKM telah melakukan kemusnahan ladang-ladang kepunyaan British, membunuh pengurus ladang British, membakar bas dan menyerang balai polis. Tujuan PKM melakukan keganasan tersebut bagi melemahkan sistem ekonomi British di Tanah Melayu. Tambah (Ho Hui Ling, 86:2023) lagi, Komunis melakukan kegiatan serangan, pembunuhan, sabotaj dan pemusnahan di merata-rata tempat di negeri-negeri Melayu.

Rentetan itu, pihak British melaksanakan darurat pada 16 Jun 1948 yang berakhir pada 31 Julai 1960. Oleh itu, Sir Edward Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi British mengisyiharkan daurat di seluruh Tanah Melayu kesan daripada keganasan yang dilakukan oleh PKM. Malah, PKM juga diharamkan pada masa tersebut. Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh pihak British dalam membanteras kegiatan dan menghalang kemaraan PKM. Antaranya, pelaksanaan Rancangan Bringgs, perang saraf, pendaftaran kad pengenalan, pasukan keselamatan, tawaran pengampunan kepada ahli PKM, bulan penduduk menentang komunis, perintah berkurung serta Rundingan Baling. Walau bagaimanapun, usaha dalam mengekang kemaraan PKM oleh British mempunyai pelbagai tujuan. Sama ada tujuan yang dilihat secara tersurat dan tujuan tersirat yang terselindung. Oleh yang demikian, penyelidikan ini akan merungkai tujuan secara tersurat dan tersirat di sebalik usaha British yang dilaksanakan di Tanah Melayu dalam mengekang serta membanteras kemaraan komunis semasa darurat.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

Bagi membincangkan dengan lebih lanjut dalam kupasan kajian ini maka perlunya rujukan dalam kajian lepas yang hampir sama dan saling berkaitan. Berdasarkan (Idris Awang dan Rahimin Affandi Abdul Rahim, 155:2006) menyatakan secara ringkasnya, sorotan kajian lepas yang dilakukan secara

mantap, intensif dan ekstensif akan membolehkan penyelidik memahami masalah kajiannya secara menyeluruh sama ada dari sudut teorikalnya, demikian juga dari sudut persekitaran atau konteksnya. Oleh yang demikian, kajian lepas tentang darurat pada tahun 1948 hingga 1960, Parti Komunis Malaya (PKM) dan pendudukan British di Tanah Melayu dianalisis melalui objektif kajian, hasil dapatan kajian dan aspek lain yang dilihat penting bagi melaksanakan kajian ini diteliti dalam sorotan kajian.

### **Darurat (1948 hingga 1960)**

Noorilham Ismail (2022) menjalankan kajian literatur tentang darurat pada 1948 sehingga 1960 antara Amerika Syarikat dan Tanah Melayu. Tujuan kajian dijalankan bagi melihat kajian terdahulu melibatkan Amerika Syarikat dalam darurat di Tanah Melayu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hasil kajian memperlihatkan bahawa Amerika Syarikat mempunyai hubungan dengan Tanah Melayu dalam bentuk sokongan ekonomi dan pertahanan dalam membantu menjaga keamanan di Tanah Melayu. Malah, hubungan dengan Amerika Syarikat juga dikaitkan dengan gabungan perisikan semasa darurat yang disalurkan secara berperingkat. Selain itu, Amerika Syarikat dan British bersama-sama berusaha membendung anasir komunis pada peringkat antarabangsa.

### **Parti Komunis Malaya (PKM)**

Ho Hui Ling (2012) menjalankan kajian tentang strategi pergerakkan komunis serta Parti Komunis Malaya (PKM) dalam tahun 1920 sehingga 1989. Kajian dijalankan bertujuan membincangkan gerakkan Parti Komunis Malaya (PKM) bermula tahun 1920 sehingga menjelang tahun 1989 di Tanah Melayu (sebelum tahun 1963) atau Malaysia (selepas 16 September 1963). Kajian membincangkan strategi PKM yang bermula pada tahun 1920-an yang dipengaruhi oleh Parti Komunis China (PKC) dan Indonesia. Bermula tahun 1930-an sehingga 1940-an, PKM di Tanah Melayu memberikan tumpuan dalam mempengaruhi golongan buruh dan orang Cina. Kemudian, semasa pendudukan Jepun pada tahun 1941 sehingga 1945 pula PKM melalui Barisan Bersatu bekerjasama dengan British untuk menentang Jepun di Tanah Melayu. Seterusnya, pada tahun 1945 sehingga 1948 pula Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) telah keluar daripada hutan dan membuat kezaliman dengan membuhun serta membuat huru-hara. Malah, sepanjang tempoh darurat (1948 sehingga 1960) PKM melakukan keganasan untuk menubuhkan republic komunis di Tanah Melayu kerana cara lain tidak berjaya. Selanjutnya, pada tahun 1960 sehingga 1968 masih terdapat saki baki komunis yang berlindung di Selatan Thailand.

### **Pentadbiran British di Tanah Melayu**

Mohd. Shazwan Mokhtar *et.al.*, (2021) menjalankan kajian tentang kedudukan Tanah Melayu sebagai negeri naungan dalam empayar British. Kajian dilaksanakan bagi membincangkan tentang negeri naungan yang menjadi jajahan British. Keputusan daripada kajian ini menunjukkan bahawa Tanah Melayu menjadi jajahan British tetapi hanya mempunyai kuasa pentadbiran tertentu melalui perjanjian yang ditetapkan. Oleh yang demikian, British telah membuat perjanjian dengan Raja-Raja Melayu dalam pentadbiran Tanah Melayu. Walaupun Raja-Raja Melayu mempunyai kekebalan mahkamah tetapi kuasa pentadbiran hanya dalam agama dan adat Melayu sahaja semasa zaman penjajahan British.

## **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam melengkapkan kajian perancangan melalui metodologi kajian penting supaya kajian dapat dilaksanakan dengan lancar. Oleh yang demikian, dalam metodologi kajian ini terkandung persoalan kajian, objektif kajian, Batasan kajian dan kepentingan kajian. Berdasarkan (Ang Kean Hua, 17:2016) menjelaskan bahawa metodologi adalah kaedah atau cara yang digunakan untuk mengutip data dan mengumpul data menggunakan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian.

## Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bersandarkan kepada tiga persoalan kajian, antaranya:

- i. Apakah kemunculan Parti Komunis Malaya (PKM) semasa pemerintahan British di Tanah Melayu?
- ii. Apakah usaha British dalam mengekang kemaraan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu semasa darurat?
- iii. Apakah aspek tersurat dan tersirat British dalam mengekang kemaraan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu?

## Objektif Kajian

Selain itu, kajian ini dijalankan melalui tiga objektif kajian:

- i. Mengenal pasti kemunculan Parti Komunis Malaya (PKM) semasa pemerintahan British di Tanah Melayu.
- ii. Meneliti usaha British dalam mengekang kemaraan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu semasa darurat.
- iii. Menghuraikan aspek tersurat dan tersirat British dalam mengekang kemaraan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu.

## Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada lima aspek dalam penulisan penyelidikan ilmiah ini melibatkan:

- i. Pertama, kajian ini mengkaji tentang aktiviti Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu sahaja. Hal ini demikian kerana, pergerakkan PKM melibatkan global oleh sebab komunis mempunyai jaringan di seluruh dunia dengan tujuan yang sama.
- ii. Kedua, kajian memberikan fokus kepada usaha pihak British yang dilaksanakan semasa darurat (1948 sehingga 1960) di Tanah Melayu untuk menghalang kemaraan komunis. Hal ini kerana, Parti Komunis Malaya (PKM) masih lagi wujud selepas tahun 1960. Oleh yang demikian, usaha selepas tahun 1960 tidak dibincangkan dalam kajian ini.
- iii. Ketiga, kajian dibataskan dari aspek perbincangan terhadap usaha British dalam membanteras komunis yang dilaksanakan semasa darurat di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana, komunis telah muncul sebelum darurat lagi dan membuat huru-hara selama 14 hari sebelum kembalinya British di Tanah Melayu.
- iv. Keempat, perbincangan ini hanya memberikan fokus terhadap semenanjung Tanah Melayu sahaja. Hal ini kerana, negara lain di Asia Tenggara dan Singapura (negara jiran) juga diamcam oleh komunis. Namun begitu, penumpuan perbincangan ini hanya melibatkan Tanah Melayu kerana semasa darurat masih belum berlaku percamtuman wilayah antara Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.
- v. Kelima, batasan kajian ini melibatkan aspek politik, ekonomi dan sosial dalam tujuan yang tersurat serta tersirat yang dilaksanakan British. Hal ini demikian kerana, terdapat faktor lain yang menyebabkan British mempertahankan Tanah Melayu daripada komunis tetapi tiga faktor (politik, ekonomi dan sosial) merupakan sebab utama bagi British menghalang PKM daripada terus mara di Tanah Melayu.

## Kepentingan Kajian

Malah, kajian yang dijalankan ini mempunyai lima kepentingan kajian terhadap beberapa pihak:

- i. Pertama, kajian ini penting kepada setiap individu untuk mengingati dan mengenang jasa pemimpin terdahulu yang telah banyak berkorban untuk mendapatkan keamanan negara. Malah, perajurit negara telah bergadai nyawa

untuk mempertahankan tanah air daripada diserang oleh komunis. Contohnya, kejadian Bukit Kepong yang telah meragut nyawa ramai anggota polis di Muar kerana serangan balai polis oleh PKM.

- ii. Kedua, kajian ini penting kepada guru sejarah pada peringkat sekolah rendah, menengah rendah, menengah atas dan prauniversiti. Pembelajaran tentang Parti Komunis Malaya (PKM) merupakan salah satu silibus yang perlu dipelajari dan menjadi soalan peperiksaan kepada pelajar di sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini berupaya menjadi nota dan bahan informasi tambahan dalam mengetahui tentang PKM semasa darurat di Tanah Melayu.
- iii. Ketiga, kajian ini juga penting kepada mahasiswa di universiti dalam mempelajari subjek wajib seperti Kenegaraan Malaysia, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta Hubungan Etnik yang mempunyai hubungan dalam aspek sejarah.
- iv. Keempat, kajian ini penyelidik kepada penyelidik di universiti yang mengambil jurusan sejarah secara major atau minor untuk menjadikan kajian sebagai bahan rujukan dalam penyelidikan baharu yang hampir sama atau menjadi rujukan dalam sesuatu kenyataan penulisan kajian ilmiah. Malah, kajian terdahulu diperlukan sebagai kajian literatur untuk melaksanakan kajian seterusnya.
- v. Kelima, agensi kerajaan yang terlibat dengan penyelidikan, penyampaian informasi berkaitan Parti Komunis Malaya (PKM) dalam menjadi rujukan di masa hadapan kepada generasi akan datang untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan sejarah PKM di Tanah Melayu semasa zaman darurat.

#### 4.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini dibincangkan dengan lebih kritis dan terperinci dengan tiga pecahan melalui objektif kajian yang telah digariskan dalam melaksanakan kajian tentang Parti Komunis Malaya (PKM) semasa zaman darurat (1942-1960) di Tanah Melayu.

##### **Mengenal pasti kemunculan Parti Komunis Malaya (PKM) semasa pemerintahan British di Tanah Melayu.**

Berdasarkan (Zulhilmi Paidi, 2:2010) menjelaskan ideologi komunis di Tanah Melayu bermula sekitar tahun 1920-an terutamanya di sekitar tahun 1925. Oleh yang demikian, anasir komunis telah masuk ke Tanah Melayu sebelum perang dunia kedua lagi. Malah, pengaruh komunis telah wujud di Tanah Melayu sebelum kedatangan Jepun pada (1941 sehingga 1945) lagi. Tambah (Zulhilmi Paidi, 2:2010) menyatakan bahawa imigran Cina telah membawa buku-buku dan risalah-risalah mengenai ajaran komunis dan disebarluaskan dalam kalangan orang Cina di Tanah Melayu. Umum mengetahui bahawa British telah melaksanakan dasar pecah dan perintah dalam aliran serta ekonomi di Tanah Melayu mengikut kaum (Melayu, Cina dan India). Fenomena pecah dan perintah telah mewujudkan sistem sekolah venakular yang menjadikan empat aliran di Tanah Melayu (Inggeris, Melayu, Cina dan India).

Perpecahan tiga kaum terbesar di Tanah Melayu juga telah memisahkan sistem persekolahan yang memberikan peluang fahaman komunis diserapkan dalam pendidikan orang Cina. Hal ini demikian kerana, silibus pembelajaran yang berbeza fahaman dan kaum mempunyai guru serta buku yang dibawa masuk daripada negara asal. Oleh yang demikian, orang Cina telah membawa masuk guru serta buku pembelajaran mengikut silibus mereka ke Tanah Melayu bagi memenuhi keperluan pendidikan orang Cina di Tanah Melayu. Menurut (Zulhilmi Paidi, 2:2010) menyatakan hasil dari kegiatan mereka, guru-guru dan murid-murid sekolah Cina telah menujuhkan Liga Belia Komunis di Singapura pada tahun 1926.

Rentetan itu, PKM mula mempelebarkan langkah mereka melalui pendidikan, persatuan sekerja dan menghasut orang awam agar menyertai komunis. Berdasarkan (Zulhilmi Paidi, 2:2010) menyatakan sehingga tahun 1927, komunis di Tanah Melayu bergerak di sebalik Parti Koumintang (KMT) kerana

wujudnya Kerjasama antara Parti Komunis China (PKC) dan KMT di China. Malah, PKM di Tanah Melayu juga melibatkan negara jiran seperti Singapura dan Selatan Thailand yang bersebelahan Tanah Melayu. Menurut (Zulhilmi Padi, 2:2010) menjelaskan pada 6 April 1930, satu persidangan komunis telah berlangsung di Singapura dan hasilnya lahirlah Parti Komunis Malaya (PKM) yang beribu pejabat di Singapura. Malah, (Ho Hui Ling, 25:2015) menyatakan bahawa pada tahun 20-an, komunis menyebarkan kegiatan dan fahaman mereka kepada golongan belia, pekerja dan pelajar melalui cawangan parti Koumintang (KMT), kesatuan sekerja, sekolah dan penerbitan.

Hal ini demikian kerana, PKM berhasrat mendapatkan Tanah Melayu sebagai sebuah negara republik untuk meneruskan perjuangan parti mereka. Menurut (Ho Hui Ling, 25:2015) lagi, PKM bermatlamat untuk menubuhkan sebuah kerajaan komunis di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Republik Rakyat Malaya. Malah, darurat dilaksanakan kerana kekejaman dan keganasan PKM di Tanah Melayu yang menggugat keamanan serta keadaan politik yang lemah selepas pemerintahan Jepun. Menurut (Roslan Muhamad dan Ishak Saat, 79:2018) menjelaskan zaman darurat berpunca daripada pemberontakan bersenjata yang dicetuskan oleh PKM. Tambah (Roslan Muhamad dan Ishak Saat, 79:2018) menyatakan bahawa kegagalan PKM untuk mencapai objektifnya melalui *constitutional*, telah mendorongnya menggunakan kekerasan.

Oleh yang demikian, darurat diisyiharkan selepas perlakunya pembunuhan I.D.Christian, Arthur Walker dan Jonh A.Allison yang merupakan pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak. Hal ini demikian kerana, pihak kerajaan British tidak mengiktiraf PKM sebagai parti yang sah di Tanah Melayu atas justifikasi perjuangan komunis yang menyimpang daripada pemerintahan kerajaan British. Berdasarkan (Mohd. Kasri Saidon, 1:2007) menjelaskan penentangan PKM ini merupakan tindak balas ke atas kerajaan British yang mengharamkan PKM sekali gus mengisyiharkan darurat.

### **Meneliti usaha British dalam mengekang kemaraan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu semasa darurat.**

Bagi mengekang kemaraan dan keganasan PKM maka pelbagai usaha dilaksanakan oleh British yang melibatkan perperangan dari aspek fizikal dan mental. Berdasarkan (Rahamat Abu Kassim, 2:2008) menjelaskan bahawa langkah-langkah kerajaan yang telah berjaya membendung PKM antaranya Rancangan Bringgs yang dijalankan oleh Sir Harold Bringgs dan perang psikologi oleh Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British ketika itu.

#### **i. Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat**

Berdasarkan (Ho Hui Ling, 86:2023) menjelaskan bahawa gerakan komunis mencapai kemuncak pada Jun 1948 berikutkan PKM mempergiatkan kegiatan keganasan dan kekerasan di negeri-negeri Melayu dan bermulanya gerakan bersenjata PKM di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, British telah menguatkuasakan Undang-Undang Darurat di Tanah Melayu untuk menghalang komunis daripada melakukan keganasan dan melemahkan pergerakkan komunis. Tambah (Ho Hui Ling, 86:2023) lagi, kekacauan yang ditimbulkan oleh PKM itu menyebabkan Tanah Melayu memasuki zaman darurat di bawah Undang-undang Darurat pada 18 Jun 1948. Undang-Undang Darurat diisyiharkan kerana berlaku pembunuhan tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak oleh komunis. Sir Gerard Edward James Gent atau lebih dikenali sebagai Sir Edward Gent yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi British Ketika itu telah mengisyiharkan darurat pada tahun 1948.

#### **ii. Perintah Berkurung**

Pelaksanaan perintah berkurung bertujuan mengawal pergerakkan setiap individu agar tidak bekerjasama dengan PKM. Hal ini demikian kerana, British berusaha melemahkan Min Yuen yang bertujuan menyalurkan makanan, pakaian dan ubatan kepada PKM di dalam hutan. Perintah berkurung melibatkan peranan kawalan keselamatan tentera serta polis dalam mengawal keadaan darurat yang boleh mengancam nyawa. Berdasarkan (Cheang Fook Hong dan Ho Hui Ling, 163:2020) menjelaskan kehadiran pasukan polis di

kawasan penempatan penduduk bukan sahaja berjaya menjaga keselamatan penduduk, tetapi juga dapat mengekang penyebaran fahaman komunis di kalangan penduduk kampung baru dan gerakan *Min Yuen* di Perak. Menurut (Muhamad Sayuti Hassan@Yahya dan Rozana Abdullah, 19:2019) menjelaskan bahawa undang-undang perintah berkurst terikat kepada beberapa pengecualian dan bukanlah bersifat mutlak. Oleh itu, pelaksanaan perintah berkurst ini berlangsung selama 12 tahun dan tamat pada tahun 31 Julai 1960. Malah, Tanah Melayu mendapat kemerdekaan secara rasmi dalam tempoh pelaksanaan darurat di Tanah Melayu.

**iii. Rancangan Bringgs**

Keadaan huru-hara yang berlaku di Tanah Melayu menyebabkan Rancangan Bringgs dilaksanakan pada pertengahan tahun 1950 oleh Sir Harold Bringgs oleh Sir Henry Gurney. Rancangan Bringgs dilaksanakan bagi mengurangkan ancaman PKM terhadap orang Cina yang tinggal di pinggir hutan. Melalui rancangan Bringgs telah dilaksanakan Kampung Baru bagi memindahkan orang Cina yang tinggal di pinggir hutan ke kawasan yang lebih selamat.

**Kampung Baru**

Berdasarkan (Mohammad Bukhari Badrol Hisham, 1:2019) menjelaskan bahawa pembentukan petempatan semula kampung baru Cina merupakan satu usaha pihak kolonial British dalam menyekat kolaborasi antara masyarakat Cina dengan pihak komunis di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana, penduduk Cina yang tinggal di pinggir hutan sering diugut oleh komunis untuk membantu mereka dari aspek keperluan asas seperti beras, ubatan dan pakaian melalui *Min Yuen*. Berdasarkan (Mohammad Bukhari Badrol Hisham dan Khairi Ariffin, 11:2019) menjelaskan gerakan *Min Yuen* merupakan satu gerakan yang dianggotai oleh rakyat biasa majoriti terdiri daripada kalangan masyarakat Cina yang menunjukkan simpati kepada gerakan komunis. Selain itu, menurut (Siti Aminah Abdul Ghani dan Khairi Ariffin, 45:2018) menyatakan Rancangan Bringgs juga merupakan Operasi Kebuluran telah cuba ditentang hebat oleh komunis. Operasi Kebuluran adalah Gerakan Kelaparan yang bertujuan melemahkan pergerakkan PKM yang berada di dalam hutan. Tambah (Siti Aminah Abdul Ghani dan Khairi Ariffin, 45:2018) menjelaskan hal ini kerana pemindahan setinggan ke Kampung Baru telah memutuskan hubungan komunis dengan dunia luar.

**iv. Kempen Bulan Rakyat Menentang Komunis**

Inisiatif ini juga dikenali sebagai Bulan Penduduk Menentang Penjahat di Tanah Melayu. Selaras dengan usaha British untuk mengekang kemaraan PKM di Tanah Melayu maka kempen ini dilaksanakan untuk mengurangkan tekanan komunis yang melakukan keganasan dan kezaliman kepada orang awam di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, Majlis Perundungan Persekutuan telah melaksanakan Kempen Bulan Penduduk Menentang Penjahat pada 22 Disember 1949. Seramai 435 905 orang sehingga Mac 1950. Sukarelawan bagi pelaksanaan Kempen Bulan Penduduk Menentang Penjahat ini disertai oleh lelaki dan wanita daripada pelbagai kaum yang menunjukkan wujudnya kerjasama daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam menentang kezaliman PKM di Tanah Melayu.

**v. Pendaftaran Kebangsaan dan Kad Pengenalan**

Berdasarkan (Ho Hui Ling *et.al*, 192:2023) menjelaskan pada tahun 1948, kerajaan melaksanakan langkah pendaftaran penduduk supaya pergerakan penduduk dapat dikawal oleh pihak berkuasa dan dapat mengelakkan mereka daripada dipergunakan oleh komunis. Oleh yang demikian, pendaftaran kebangsaan juga bertujuan membezakan antara orang awam atau ahli PKM di Tanah Melayu. Rentetan itu, orang awam yang berusia 12 tahun ke atas perlu membuat pendaftaran kebangsaan dan mendapat kad pengenalan individu. Tambah (Ho Hui Ling *et.al*, 192:2023) lagi, semua penduduk berumur 12 tahun dan ke atas diminta untuk berdaftar dengan pihak berkuasa. Hal ini

demikian kerana, pada zaman darurat setiap individu akan melalui pemeriksaan keselamatan oleh anggota polis bagi mengelakkan diperlakukan oleh PKM. Maka, (Ho Hui Ling *et.al*, 192:2023) menyatakan lagi, mereka yang telah berdaftar dibekalkan dengan sekeping kad pengenalan yang akan diperiksa oleh anggota keselamatan di mana-mana mereka pergi.

#### **vi. Pemerkasaan Pasukan Keselamatan**

British telah mengetarkan kawalan keselamatan dengan lebih mapan melalui pasukan keselamatan yang dianggotai oleh orang awam, penduduk Tanah Melayu dan tentera komanwel yang merupakan jajahan Inggeris ketika itu. Oleh yang demikian, pemerkasaan pasukan keselamatan di Tanah Melayu terbahagi kepada tiga bahagian utama. Antaranya, penubuhan *Home Guard* atau penyertaan sukarela daripada penduduk setempat di sesuatu kawasan. Kemudian, pasukan polis yang diperkuuhkan dengan kekuatan Cawangan Khas/*Special Branch*, polis hutan, polis wanita, Special *Constable* (SC), Senoi Praaq (Urang Perang) dan Auxiliary Police (AP). Manakala, pasukan ketenteraan di Tanah Melayu pula terdiri daripada Pasukan Askar Melayu dan Askar Komanwel.

#### **Home Guard/Sukarelawan**

Bagi meningkatkan tahap keselamatan semasa darurat maka *Home Guard* telah dilaksanakan di Tanah Melayu yang bermula seramai 40 000 orang pada tahun 1948. Menurut (Siti Aminah Abdul Ghani dan Khairi Ariffin, 34:2018) menjelaskan bahawa pasukan *Home Guard* merupakan sebuah pasukan yang anggotanya terdiri daripada penduduk kampung dan diletakkan di bawah kuasa *Home Guard Regulations 1950* dan *Home Guard Regulations 1951*. Penubuhan *Home Guard* bagi menjaga keamanan dan disertai oleh pelbagai kaum di Tanah Melayu dengan tujuan menjaga kawasan petempatan masing-masing. Tambah, (Siti Aminah Abdul Ghani dan Khairi Ariffin, 34:2018) lagi, pasukan *Home Guard* tidak terbatas kepada kaum-kaum tertentu sahaja, sebaliknya pasukan tersebut meliputi seluruh kaum dengan tujuan mereka mampu melindungi kawasan penempatan mereka sendiri, mengambil tindakan segera sekiranya diancam dan seterusnya membantu pasukan keselamatan yang lain seperti tentera dan polis. Malah anggota *Home Guard* juga terdiri daripada golongan wanita. Peranan *Home Guard* adalah menjaga dan menjalankan rondaan di Kawasan petempatan mereka. Menurut (Mohd. Razali Ya'cob@Jusoh, 40:2010) petempatan tersebut adalah Kawasan kampung, Kampung Baru, ladang dan estet.

#### **Polis**

Bagi memperkuuhkan lagi pertahanan keselamatan semasa darurat (1948-1960) maka peranan polis diperbesarkan melalui pelaksanaan Cawangan Khas, Special Constable (SC), polis hutan, polis wanita, Senoi Praaq (Urang Perang) dan Auxiliary Police (AP). Tujuan pertahanan polis ini bagi mengawal dan memerangi PKM yang kian mengganas di Tanah Melayu semasa darurat.

#### **Cawangan Khas (*Special Branch*)**

Berdasarkan (Amer Fawwaz Mohamad Yasid, 24:2016) menyatakan Pasukan Cawangan Khas PDRM telah ditubuhkan sejak tahun 1948 dan peranannya sebagai agensi perisikan ketika darurat 1948 sehingga 1960, tidak dapat dinafikan keberkesanannya serta reputasi yang tinggi dalam menghapuskan ancaman komunis ketika itu. Malah, polis Cawangan Khas mempunyai posisi yang besar sebagai penyampai maklumat kepada pasukan keselamatan dalam memerangi PKM di Tanah Melayu. Selain itu, (Amer Fawwaz Mohamad Yasid, 23:2016) menjelaskan salah satu faktor yang memberikan kemenangan kepada pasukan keselamatan di Malaya adalah hasil daripada idea British untuk menubuhkan sebuah unit yang berperanan sebagai penyalur maklumat perisikan yang diterajui oleh Pasukan Polis Persekutuan Malaya yang dinamakan sebagai Cawangan Khas atau lebih dikenali sebagai *Special Branch*. Peranan polis Cawangan Khas memainkan peranan yang penting semasa zaman darurat untuk menentang PKM.

### **Senoi Praaq (Urang Perang)**

Orang asli yang terdiri daripada suku kaum Semelai, Senoi, Semai dan Temiar mempunyai peranan yang penting dalam penubuhan Senoi Praaq mempunyai kepakaran dalam peperangan di dalam hutan. Berdasarkan (Mohd. Syazwan Mokhtar dan Isman Husni Hassan Sazali, 4:2023) menjelaskan Pasukan Senoi Praaq telah ditubuhkan sebagai pasukan tidak rasmi oleh British selepas pengisytiharan darurat pada tahun 1948 di Perak.

### **Auxiliary Police (AP)**

Penubuhan *Auxiliary Police* (AP) semasa zaman darurat bertujuan mengukuhkan lagi dan meningkatkan aspek keselamatan dalam melindungi penduduk setempat daripada serangan PKM. Berdasarkan (Hassan Ismail et.al, 240:2023) *Auxiliary Police* (AP) adalah pasukan keselamatan sukarela seperti Pasukan Polis Bantuan, pengawal keselamatan dan RELA. Dianggarkan seramai 17 ribu orang awam menyertai pasukan AP di Tanah Melayu pada tahun 1948. Malah, pasukan AP telah dijadikan sebagai Pasukan Police Simpanan atau *Police Volunteer Reserve* pada tahun 1956. Malah, dalam peristiwa Bukit Kepong semasa darurat, pasukan AP merupakan individu yang turut terlibat dalam mempertahankan pasukan keselamatan Tanah Melayu semasa serangan Balai Polis Bukit Kepong.

### **Polis Hutan**

Polis Hutan juga pernah dikenali sebagai *Flying Squad* dan ditransformasi kepada *Jungle Companies*. Penyusunan semula dilaksanakan pada tahun 1955 dengan nama *Police Field Force* (PFF). Istilah ‘Polis Hutan’ mula diwujudkan pada tahun 1958. Semasa darurat 1948-1960, polis hutan berperanan untuk menjalankan rondaan di kawasan yang menjadi target PKM, memburu anggota PKM dan membekalkan makanan kepada petugas polis hutan yang mempertahankan kubu pasukan pertahanan serta yang menjalankan tugas keselamatan di dalam hutan.

### **Polis Wanita**

Selain itu, polis wanita turut ditubuhkan semasa darurat pada tahun 1955. Polis wanita pertama adalah Barbara D.R. Wentworth yang telah ditugaskan untuk melatih polis wanita dan anggota baru.

### **Special Constable (SC)**

Special Constable (SC) mula diwujudkan semasa Rancangan Bringgs yang bertujuan mengawal ladang dan lombong. Pasukan SC berperanan menjadui barisan hadapan bagi melawan serangan PKM.

### **Tentera**

Antara pasukan tentera yang ditubuhkan semasa darurat bagi memerangi komunis adalah Pasukan Askar Melayu, Askar Komanwel dan Sarawak Rangers. Walau bagaimanapun, kajian ini memberikan fokus perbincangan utama terhadap penubuhan pasukan ketenteraan di Tanah Melayu sahaja. Hal ini demikian kerana, Ketika darurat percamtuman wilayah yang membentuk Malaysia masih belum dilaksanakan. Oleh yang demikian, Sarawak Ranjers tidak dibincangkan kerana Malaysia masih belum dibentuk semasa tempoh darurat (1942-1960).

### **Pasukan Askar Melayu**

Rejimen Askar Melayu bermula dengan empat rejimen yang berkembang kepada tujuh rejimen. Pasukan Askar Melayu mula diwujudkan pada 1933 untuk membanteras komunis. Selain itu, Askar Melayu dilengkapi peralatan perang seperti senapang dan meriam.

### **Askar Komanwel**

Selain itu, askar komanwel dari negara-negara jajahan British dibawa masuk ke Tanah Melayu bagi memerangi PKM. Antaranya, tentera komanwel daripada Britain, New Zealand, Australia, Afrika Timur, India, Fiji, Rhodesia dan Uganda. Malah, dianggarkan seramai satu batalyon askar daripada Afrika dan rejimen Fiji, 10 ribu askar Gurkha serta 25 ribu askar Britain ditempatkan di Tanah Melayu semasa darurat. Pengukuhan pasukan pertahanan bertujuan memerangi keganasan PKM di Tanah Melayu ketika itu.

### **vii. Perang Saraf**

Berdasarkan (Asyiqah Mohamad Jamil, 37:2019) menjelaskan dalam kes di Tanah Melayu, British menggunakan kaedah risalah propaganda bagi melawan keganasan komunis pada tahun 1950. Perang saraf adalah perang secara psikologi menggunakan propaganda dalam mempengaruhi pemikiran khalayak pembaca, pendengar atau penerima maklumat. Oleh yang demikian, semasa darurat perang saraf dilaksanakan bagi menyampaikan maklumat tentang keganasan, kezaliman dan keburukan PKM kepada masyarakat. Menurut (Sahul Hamid Mohamed Maiddin, 16:2010) menjelaskan propaganda disebut juga sebagai perang psikologi atau perang saraf, iaitu penggunaan pelbagai pendekatan psikologi bagi mempengaruhi pendirian, emosi, tingkah laku dan perwatakan seseorang terutamanya musuh bagi memihak kepada lawannya. Dalam zaman darurat propaganda memainkan peranan penting dalam melawan PKM melalui psikologi mental manusia selain menggunakan senjata. Perang saraf berupaya memberikan kesan emosi terhadap PKM melalui penulisan yang boleh memberikan kesan terhadap pemikiran mereka. Malah, (Ahmad Sauffiyan, 296:2017) menjelaskan ini berlaku kerana kebiasaannya terma ‘perangsaraf’ berdiri sendiri yang selalu dirujukan sebagai operasi manipulasi dan penipuan dalam arena politik berdarah seperti perang saudara atau konflik peperangan. Oleh itu, konflik peperangan antara PKM dengan British dan penduduk Tanah Melayu mengaplikasikan teknik perang saraf sepanjang darurat berlangsung selama 12 tahun.

### **viii. Tawaran Pengampunan**

Pada 6 September 1949, Sir Henry Gurney telah mengisytiharkan pengampunan kepada ahli PKM supaya menyerah diri. Malah, tawaran pengampunan ini disiarkan secara media bercetak menggunakan medium poster dengan menampal notis pengampunan. Selain itu, tawaran pengampunan disiarkan di Radio Malaya yang menjadi medium penyampaian maklumat secara elektronik pada masa tersebut. Dianggarkan sebanyak 12 juta pas pengampunan dan 40 juta risalah diedarkan dalam tiga bahasa utama di Tanah Melayu (bahasa Melayu, Cina dan Tamil). Hal ini demikian kerana, ahli PKM terdiri daripada bangsa Cina, Melayu dan India.

### **ix. Rundingan Baling**

Rundingan Baling telah diadakan pada 29 Disember 1955 yang dianggotai oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, David Marshall dan Tan Cheng Lock. Manakala, pihak PKM diwakili oleh Chen Tian, Ching Peng dan Abdul Rashid Maidin. Walau bagaimanapun, rundingan tersebut tidak mencapai sasaran di pihak kerajaan dan menemui jalan buntu. Menurut (rmp.gov.my) menjelaskan rundingan damai di antara kerajaan dengan pihak komunis ini bertujuan untuk menamatkan darurat berikutnya dengan tawaran pengampunan beramai-ramai kepada anggota-anggota PKM yang telah dibuat pada 9 September 1955. Oleh itu, Rundingan Baling merupakan usaha untuk mengekang PKM melalui kesinambungan tawaran pengampunan yang dilaksanakan oleh Sir Henry Gurney. Selain itu, (rmp.gov.my) menyatakan Rundingan Baling diadakan di Sekolah Inggeris, Baling, Kedah dan berlangsung dalam empat sesi bermula Disember 1955.

## **Menghuraikan aspek tersurat dan tersirat British dalam mengekang kemaraan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu.**

British melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mengekang kemaraan Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menyelamatkan keadaan huru hara-hara yang terjadi di Tanah Melayu Ketika itu. Malah, kesan daripada kekacauan yang dilakukan oleh PKM telah menyebabkan banyak nyawa yang terkorban kerana kekejaman yang dilakukan oleh PKM. Namun begitu, British tidak melakukan sesuatu tindakan tanpa tujuan tertentu. Oleh yang demikian, usaha British dilihat mempunyai niat tersurat yang dilihat jelas dalam usaha mereka. Walau bagaimanapun, British mempunyai agenda tertentu dalam usaha mereka menghalang kemaraan komunis yang dilihat sebagai tujuan tersirat yang tidak dapat dilihat dengan terang dan jelas ketika itu.

### **Usaha Tersurat**

#### **i. Politik**

Dalam aspek politik, British berusaha menjaga kedudukan politik bangsawan Melayu dan Sultan untuk mentadbir Tanah Melayu. Oleh yang demikian, kemaraan PKM yang juga berhasrat mendapatkan kedudukan dan mahu parti mereka diiktiraf di Tanah Melayu dihalang oleh kerajaan British. Malah, usaha British dalam melaksanakan pelbagai inisiatif menghalang komunis untuk mengelakkan huru-hara. Oleh itu, keamanan Tanah Melayu dapat dipelihara dan terjamin dengan melumpuhkan gerakan komunis.

#### **ii. Ekonomi**

Selain itu, pihak British menghalang kemaraan komunis bertujuan menjaga sumber ekonomi penduduk di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana, orang Melayu mendapat sumber pendapatan mereka melalui aktiviti pertanian dan terjejas dengan aktiviti komunis yang boleh memberikan risiko dalam melaksanakan aktiviti pertanian harian mereka. Malah, ladang-ladang kepunyaan British yang memerlukan tenaga kerja daripada India turut terjejas yang menyebabkan sumber pendapatan penduduk hilang kerana kemasuhan ladang yang dilakukan oleh komunis. Berdasarkan (Chellitda Farhana Gunaish *et.al*, 95:2022) menjelaskan keadaan ekonomi di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua telah menyebabkan berlakunya inflasi harga, kekurangan sumber makanan dan ubat-ubatan.

#### **iii. Sosial**

Darurat dilaksanakan bermula tahun 1948 bagi melindungi keselamatan penduduk di Tanah Melayu yang diancam oleh komunis. Hal ini demikian kerana, sekembalinya British di Tanah Melayu selepas Jepun meletakkan senjata maka banyak kemasuhan yang perlu diselesaikan oleh kerajaan British. Malah, pihak British perlu mengambil semula hati penduduk di Tanah Melayu untuk menyokong mereka. Hal ini demikian kerana, penduduk di Tanah Melayu sedang diancam oleh komunis terutamanya melibatkan orang Cina.

### **Usaha Tersirat**

#### **i. Politik**

Kepentingan kedudukan politik mereka sahaja. Keagungan kedudukan British. Berdasarkan (Noorilham Ismail dan Muhamad Hasrul Zakariah, 46:2021) menyatakan bahawa dalam isu pembunuhan berkenaan, pentadbir British berpendirian bahawa keadaan di Tanah Melayu semakin terdedah dengan ancaman keganasan oleh pihak PKM yang berupaya menggugat kepentingannya di Tanah Melayu. Selain itu, (Mohammad Bukhari Badrol Hisham, 1 dan 2:2019) menjelaskan langkah pembentukan kampung baru ini merupakan tindakan pihak kolonial British dalam strategi mengembalikan keamanan dan menjaga kepentingan mereka di Tanah Melayu.

#### **ii. Ekonomi**

Tujuan utama British menjalankan dasar imperialisme di Tanah Melayu bertujuan mengekplotasi hasil bumi untuk keperluan revolusi perindustrian di Eropah. Namun begitu, British terpaksa

berundur kembali ke Britain semasa Perang Dunia Kedua akibat daripada serangan daripada pihak Jepun. Berdasarkan (Chellitda Farhana Gunaish *et.al*, 95:2022) menjelaskan kekayaan bahan mentah di Tanah Melayu menjadi sumber yang paling penting kepada British bagi menampung kerugian dan kehancuran ekonomi akibat perang. Melalui eksplotasi hasil bumi di Tanah Melayu telah memberikan hasil serta keuntungan yang besar kepada pihak British. Tambah (Chellitda Farhana Gunaish *et.al*, 95:2022) menjelaskan bahawa bukti tersebut berlaku dari tahun 1946 sehingga 1950, Britain telah memperolehi sebanyak USD700,000,000 hanya daripada kegiatan eksport getah ke Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, bagi menjaga kepentingan ekonomi di Tanah Melayu maka perlunya kawalan dalam aspek keselamatan agar aktiviti ekonomi dapat dijalankan dengan baik oleh British. Serangan gerila daripada PKM telah memusnahkan dan merencatkan aktiviti ekonomi British di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, darurat dilaksanakan bagi mengawal PKM dan melancarkan kembali aktiviti ekonomi British di Tanah Melayu untuk mengaut keuntungan bagi memenuhi keperluan revolusi perindustrian yang kian rancak di Eropah. Terutamanya, melibatkan pengeluaran kereta yang memerlukan getah dalam pembuatan tayar serta bijih timah untuk pengetinan makanan.

### **iii. Sosial**

Darurat hanya diisytiharkan setelah pembunuhan berlaku kepada Arthur Walker (pengurus ladang Ephil) dan John A. Alisson dan pembantunya I.D. Christian (pengurus dan pembantu ladang Phin Soon). Hal ini memperlihatkan bahawa, hakikatnya British lebih mementingkan kepentingan keselamatan rakyat British yang mempunyai kepentingan kepada kolonial Inggeris semasa imperialism di Tanah Melayu. Menjaga kepentingan bangsa British seperti pengurus ladang dan orang awam. Malah, (Mohammad Bukhari Badrol Hisham, 2:2019) menyatakan bahawa demi menjaga kepentingan kolonial British, undang-undang darurat diisytiharkan pada tahun 1948 di seluruh Tanah Melayu.

## **5.0 KESIMPULAN**

Konklusinya, British berusaha mengekang kemaraan PKM selepas Jepun meletakkan senjata pada tahun 1945 sebagai berakhirnya perang dunia kedua. Namun begitu, sepanjang tempoh masa kembalinya tentera Jepun ke negara matahari terbit telah menyebabkan PKM mengambil alih Tanah Melayu dengan melakukan kekejaman, kemusnahaan dan huru-hara. Oleh yang demikian, tanggungjawab mengawal dan menghapuskan gerakan PKM menjadi beban kepada British ketika itu. Hal ini demikian kerana, beban perang memerlukan kos yang tinggi dalam melaksanakan usaha melibatkan politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu.

Oleh yang demikian, usaha British bagi mengekang kemaraan PKM bertujuan menjaga keamanan penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu. Malah, British telah melaksanakan pelbagai usaha melibatkan penguatkuasaan Undang-Undang Darurat, mengisyiharkan darurat, pendaftaran kad pengenalan, Rancangan Bringgs, Perang Saraf dan memperkuuhkan lagi pertahanan keselamatan melalui ketenteraan, khidmat polis juga penyertaan secara sukarela dalam kawalan keselamatan.

Walau bagaimanapun, British melaksanakan sesuatu usaha untuk kepentingan pihak mereka sebagai sebab utama dalam sesuatu pelaksanaan semasa darurat. Hal ini demikian kerana, aspek keselamatan begitu penting bagi meneruskan eksplotasi ekonomi di Tanah Melayu agar berjalan lancar. Serangan dan pengaruh PKM menjelaskan aktiviti ekonomi British di Tanah Melayu. Malah, kegagalan untuk mengawal keamanan boleh mendatangkan kerugian yang lebih besar untuk menanggung kos peperangan di Tanah Melayu.

### **Sumbangan Pengarang**

Nasir, S.N.A, Pengenalan sehingga suntingan draf terakhir.

## Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- A.Ghapa Harun dan Rupawan Ahmad. (1996). Imperialisme Jepun dan Konsep Kesemakmuran Asia Timur Raya. *Malaysian Journal of History, Politic and Strategic Studies (JEBAT)*. Vol.24, 3-20.
- Ahmad Sauffiyan. (2017). Kempen Politik Trump: Strategi, Taktik dan Model Perangsaraf Media. *Jurnal Komunikasi*. Vol.31(1), 294-312.
- Amer Fawwaz Mohamad Yasid. (2016). Peranan Pasukan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia dalam Menangani Ancaman Komunis, 1968-1989. *Sejarah*. Vol.25(2), 23-39.
- Ang Kean Hua. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*. Vol.1(2), 17-24.
- Cheang Fook Hong dan Ho Hui Ling. (2020). Pasukan Polis dalam Memelihara Keselamatan Penduduk di Perak, 1948-1960. *Journal of History Department, University of Malaya*. Vol.29(1), 158-177.
- Chellitda Farhana Gunaish, Mohd Firdaus Abdullah dan Wan Hasmah Wan Teh. (2022). Propaganda dan Perang Saraf British di Tanah Melayu Melalui Malayan Film Unit (MFU) 1946-1957. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*. Vol.21, 93-107.
- Hassan Ismail, Emilia Zainal Abidin, Irniza Rashdi, Kulanthayan K.C. Mani@ Subramaniam dan Phaik Kin Cheah. (2023). A Comparative Analysis of Auxiliary Enforcement Bodies for Security, Safety and Health Officer Roles in Malaysia-A Narrative Review. *Malaysian Journal of Medicine and Health Science*. Vol.19, 239-249.
- Ho Hui Ling, Mardiana Nordin dan Noraini Mohamed Hassan. (2023). Risalah Darurat: Strategi Kerajaan dalam Memenangi Jiwa dan Pemikiran Orang Cina di Tanah Melayu, 1948-1960. *Komunikasi*. Vol.30(2), 173-206.
- Ho Hui Ling. (2023). Persaingan Kuasa antara Komunis dan Kerajaan di Tanah Melayu, 1948-1960. *Journal of History Department, University of Malaya*. Vol.32(1), 85-110.
- Ho Hui Ling. (2015). Kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM), 1968-1989: Penelitian Terhadap Kegiatan Komunis di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Vol.42(1), 23-56.
- Ho Hui Ling. (2015). Gerakan Komunis dan PKM: Penelitian terhadap Usaha Komunis Mempengaruhi Orang Melayu 1920-1989. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Vol.8(1), 63-92.
- Ho Hui Ling. (2012). Strategi Pergerakan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM), 1920-1989. *Sarjana*. Vol.27(2), 61-78.
- Idris Awang dan Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2006). Sorotan dan Kajian Lepas: Teori dan Amalan dalam Penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*. Vol.3, 133-156.
- Mohammad Bukhari Barol Hisham. (2019). Pembentukan Komuniti Kampung Baru Cina Daerah Ulu Selangor dalam Pembanterasan Komunis (1948-1957). Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Mohammad Bukhari Badrol Hisham dan Khairi Ariffin. (2019). Implikasi Dasar Kolonial British Terhadap Pembentukan Komuniti di Kampung Baru Daerah Ulu Selangor 1948-1957. *Jurnal Perspektif*. Vol.11(1), 10-22.
- Mohamad Nassir Kassim. (2016). Perjuangan yang Gagal? Parti Komunis Malaya dan Sokongan Orang Melayu, 1920-1948. Tesis Ijazah Sarjana Sastera.
- Mohd. Kasri Saidon. (2007). Darurat di Tanah Melayu 1948-1960: Strategi dan Kesan Terhadap Kedah. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohd. Razali Ya'cob@Jusoh. (2010). Pasukan Home Guard Persekutuan Tanah Melayu Semasa Darurat, 1948-1960. *Jurnal Sejarah*. 35-54.

- Mohd. Syazwan Mokhtar dan Isman Husni Hassan Sazali. (2023). Penglibatan Senoi Praaq dalam Pasukan Keselamatan di Perak, 1948-1974. *Malaysia and International History Review*. Vol.5(1), 1-19.
- Mohd. Shazwan Mokhtar, Mohd. Samsudin dan Suffian Mansor. (2022). Kedudukan Negeri Melayu sebagai Tanah Naungan dalam Empayar British Berdasarkan Sumber Kolonial. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Vol.16(1), 25-48.
- Muhamad Sayuti Hassan@Yahya dan Rozana Abdullah. (2019). Mampukah Perintah Berkurung Membanteras Jenayah dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Vol.25, 15-22.
- Noorilham Ismail dan Muhamad Hasrul Zakariah. (2021). Reaksi Anggota Parti Komunis Malaya (PKM) Terhadap Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960: Penelitian Terhadap Memoir-Memori Anggota PKM Terpilih. *Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Vol.48(3), 43-67.
- Noorilham Ismail. (2022). Amerika Syarikat dan Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Vol.15(2), 243-260.
- Nurlisa Sarah Mohammad Azmi. (2019). Peranan British dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Jajahan Dinding, 1874-1942. *Journal of History Department, University of Malaya*. Vol.28(2), 1-20.
- Rahamat Abu Kassim. (2008). Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960: Strategi Parti Komunis Malaya (PKM) dan Pemerintah. Tesis Sarjana Sastera: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2013). Konsep Merantau ke Alam Melayu: Serampang Banyak Mata. *International Journal of The Malay World and Civilization (IMAN)*. Vol.1(2), 115-125.
- Roslan Muhammad dan Ishak Saat. (2018). Operasi Pasukan F dalam Pembanterasan Parti Komunis Malaya (PKM) di Semenanjung Malaysia, 1971-1989. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Vol.47(2), 78-103.
- Sahul Hamid Mohamed Maiddin. (2010). Propaganda dan Perang Saraf dalam Era Konfrontasi Malaysia-Indonesia, 1960-1963. Tesis Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Aminah Abdul Ghani dan Khairi Ariffin. (2018). Peranan dan Sumbangan *Home Guard* di Temerloh, 1948-1957. *Jurnal Perspektif*. Vol.10(1), 33-50.
- Siti Radzia Ramlee dan Ishak Saat. (2023). Impak Kedatangan Kuasa Kolonial Barat terhadap Geopolitik Malaysia dari Abad ke-15 hingga Abad ke-20. *Jurnal Perspektif, Special Issue*. Vol.15, 93-105.
- Zulhilmi Paidi. (2010). Dasar “Counterinsurgency” Gurney Atas Penamatan Darurat: Satu Tinjauan. Kertas Kerja International Conference on Public Policies and Social Science Department of Administration Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Merbok, Kedah, pada 26-27 Mei 2010.
- <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/rundingan-damai-baling>